

BAB LIMA

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Sekiranya ditinjau dari kesemua aspek budaya dalam kalangan masyarakat Jepun kita dapat simpulkan bahawa kesemua aspek budaya dalam kehidupan masyarakat Jepun menjurus ke satu arah. Arah inilah yang akhirnya membawa kepada kejatuhan pentadbiran keshogunan *Tokugawa* dan hal ini berlaku pada akhir tahun 1868 apabila masyarakat Jepun mengembalikan semula pemerintahan maharaja di negara itu. Sebelum kejatuhan keshogunan *Tokugawa* berlaku lebih 1,000 pemberontakan dalam semua wilayah di Jepun kecuali dua wilayah sahaja (Rujuk Rajah 4). Ia terjadi akibat berbagai perkara, bermula dengan sistem cukai yang keterlaluan ditambah pula dengan pegawai yang mengamalkan rasuah. Memberontak merupakan satu-satunya jalan bagi penduduk yang rata-ratanya terdiri dari petani miskin pada zaman *Tokugawa* untuk membebaskan diri dari cengkaman pemerintah yang zalim.

Cukai yang tinggi dikenakan kerana keinginan pemerintah untuk menambah kekayaan. Sementara itu golongan pahlawan yang cuba mengekalkan kehidupan mewah mereka untuk menjaga maruah mengamalkan fasuah dan memeras golongan petani menyebabkan keadaan menjadi semakin sukar bagi mereka. Menurut teori ketamadunan yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun, hal ini sememangnya akan membawa kepada keruntuhan kerajaan serta tamadun berkenaan. Bahkan ia juga menghapuskan perasaan kekitaan yang wujud serta perasaan setia antara golongan yang diperintah (bawahan) terhadap golongan yang diperintah. Hal ini membawa kepada kesedaran dalam kalangan petani bahawa mereka juga boleh memimpin dengan lebih baik. Pertubuhan yang diwujudkan oleh

golongan petani menunjukkan mereka juga mempunyai sifat kepemimpinan dan boleh menentang kelas sosial yang telah ditetapkan oleh *bakufu*.

Kenaikan kadar cukai serta harga beras terutamanya setelah kedatangan kuasa Barat yang dimulakan oleh Komodore Perry merupakan antara sebab meletusnya pemberontakan dalam kalangan masyarakat petani yang membawa kejatuhan Keshogunan Tokugawa. Menurut Patricia Sippel, pemberontakan yang dilakukan oleh golongan petani pada peringkat awal tidak merupakan pemberontakan anti-*bakufu*, tetapi ia hanyalah menentang dasar yang dibuat oleh pemerintahan itu. Bagaimanapun hal yang sebaliknya berlaku selepas pembukaan negara Jepun kepada Barat. Pengeluar barang tempatan, misalnya pengeluar kain di negara Jepun terpaksa bersaing dengan pengeluar Barat. Hal ini berterusan sehingga ke zaman Meiji apabila pejuang pembebasan dan hak asasi memperjuangkan nasib petani yang terlibat dalam sektor perdagangan dan terpaksa menghadapi masalah kenaikan harga, tukaran asing dan sebagainya dan mereka mengaitkannya dengan hal politik¹.

Dari segi kewangan pula, sarjana Jepun, Sawada Sho berpendapat, kedudukan kewangan keshogunan *Tokugawa* sendiri berada dalam keadaan goyah sejak pemerintahan Shogun ketiga lagi iaitu *Iemitsu* (1624-1643). Pada waktu ini kerajaan membelanjakan 568,000 *ryo* emas, 100 *kamme* perak, 1,000 *koku* beras untuk membina dewan *Nikko*. Sewaktu pemberontakan *Amakusa*, 398,000 *ryo* emas digunakan dari wang perpendaharaan. Selain itu pinjaman emas yang diberikan kepada *samurai* dan *hatamoto* menyebabkan wang perpendaharaan semakin susut. Sewaktu pemerintahan Shogun kelima iaitu *Tsunayoshi* (yang juga merupakan penganut kuat ajaran *Buddha* beliau sentiasa menghabiskan wang untuk membina dan memperbaiki kuil) keadaan semakin parah sehingga cukai terpaksa dinaikkan manakala matawang baru dikeluarkan. Bermula dari sinilah apabila berlakunya

krisis, *Bakufu* mengeluarkan matawang baru dan nilainya semakin jatuh manakala harga barang semakin naik². Keadaan inilah yang menyebabkan petani memberontak.

Sementara itu, hubungan antara pemilik tanah dan penyewa tanah memperlihatkan hubungan yang berat sebelah sejak dari awal pemerintahan *Tokugawa* lagi. Golongan pemilik tanah mempunyai segala kelebihan dan keistimewaan dan menjadikan mereka kelas istimewa walaupun mereka tergolong dalam kelas petani. Menurut Thomas C. Smith, golongan petani bukannya merupakan kelas *homogenus* seperti yang dicitakan oleh pengikut *Konfucian* tetapi merupakan suatu piramid yang didirikan oleh kuasa dan kekayaan. Ia terdiri dari golongan penyewa di bahagian bawah manakala pemilik tanah dan petani kaya di bahagian atas³. Dalam teori Ibnu Khaldun, petani miskin dan penyewa ini berada di tahap pertama apabila mereka sedikit demi sedikit cuba untuk membentuk organisasi yang dapat membebaskan diri mereka dari cengkaman tuan-tuan tanah yang kaya dan dasar kerajaan yang menekan mereka.

Pada tahap akhir pemerintahan *Tokugawa*, terdapat pemimpin petani yang berkaliber serta melibatkan diri dalam bidang perdagangan. Mereka ini pada mulanya adalah golongan petani tetapi mereka agak bernasib baik berbanding dengan petani lain dan berpendidikan tetapi oleh kerana terdapat beberapa halangan yang dikenakan dalam sistem sosial dan ekonomi mereka terpaksa akur. Antaranya ialah *Miura Meisuke*⁴, salah seorang pemimpin pemberontakan *Nambu* pada tahun 1853. Dengan adanya pemimpin berkaliber ini golongan petani menyuarakan pendapat mereka dengan cara yang lebih beradab. Antara cara yang digunakan ialah dengan menyampaikan aduan dalam bentuk petisyen⁵.

Halangan yang dikenakan oleh pemerintah *Tokugawa* terhadap petani dalam mengadakan upacara keagamaan juga merupakan faktor yang membawa kepada pemberontakan. Walaupun tiada sebarang pemberontakan besar-besaran yang berlaku akibat dari halangan ini kecuali yang berlaku di *Kii* pada tahun 1776 dan di *Owari* pada tahun 1832,⁶ faktor agama ternyata memainkan peranan sampingan yang membawa kepada pemberontakan besar. Keinginan petani meneruskan upacara keagamaan dengan cara tersendiri menunjukkan ada unsur penentangan dalam kalangan mereka. Menurut Ibnu Khaldun, faktor agama jugalah yang mewujudkan penyatuan dalam kalangan para petani berbanding dengan keadaan yang semakin goyah dan lemah di pihak pemerintah *Tokugawa*.

Budaya dan kesenian seperti *kabuki*, *joruri* dan kesenian lain yang terdapat dalam kalangan masyarakat bawahan dan atasan di Jepun merupakan satu petanda bahawa tahap ketiga ketamadunan seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun telah sampai ke penghujungnya sebelum kerajaan atau ketamadunan itu runtuh dan digantikan oleh kerajaan atau tamadun yang lain pada tahap keempat. Unsur budaya yang terdapat pada zaman ini hanya melambangkan pembaziran, hiburan dalam bentuknya yang keterlaluan dan memusnahkan golongan bangsawan di Jepun. Walaupun masyarakat bawahan mengubahsuai budaya teater ini, mereka masih kekal hidup dalam keadaan yang bersatu dan bekerjasama seperti yang telah diamalkan oleh mereka dalam kehidupan mereka sehari-harian di kampung.

Menurut Donald Burton yang mengkaji penulisan tiga sarjana yang menulis mengenai kebangkitan masyarakat petani iaitu Herbert P. Bix⁷, Stephen Vlastos⁸ dan Anne Walthall⁹ antara ciri yang menyebabkan kebangkitan petani ialah timbulnya kesedaran dalam kalangan mereka, tidak berunsur revolusi, berunsur moral dan baik hati, konflik dalam kalangan penguasa kampung serta

perubahan dalam politik dan ekonomi¹⁰. Antara sebab timbulnya kesedaran ini ialah kerana berkembangnya perdagangan di Jepun terutamanya dalam bidang perdagangan barang pertanian seperti kain kapas, tenunan, arak *sake*, dan berbagai lagi komoditi yang terdapat di desa menjadi bertambah penting. Hal ini menjadi lebih jelas lagi pada separuh kedua pemerintahan Tokugawa apabila penduduk di *Osaka*, Kyoto dan bandar istana yang lain berhijrah ke desa-desa untuk mendapatkan bahan, modal dan tenaga buruh yang lebih murah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan bandar tempat tinggal penduduk kelas atasan telah diambil alih pula oleh desa-desa¹¹.

Pendapat Burton ini ada benarnya jika diteliti hujah yang dikemukakan oleh ketiga-tiga sarjana berkenaan. Pertamanya jika dilihat dari segi agama, kuasa yang dimiliki oleh penguasa wilayah adalah berlawanan dengan ajaran *Konfucian* iaitu petani sepatutnya dihormati kerana dengan adanya petanilah yang dapat membantu mengekalkan kedudukan kelas pahlawan di bahagian atas¹². Petani terpaksa patuh kepada keadaan ini walaupun mereka ditekan kerana mereka tidak mempunyai kuasa serta keupayaan untuk menarik diri daripada keadaan sedia ada dan mencari keadaan lebih baik di tempat lain. Dalam keadaan ini petani juga sedar bahawa mereka hanya berupaya melemahkan kuasa pentadbir dengan mengadakan pemberontakan tetapi mereka tidak boleh menggulingkan kerajaan feudal yang sedia ada¹³. Kesedaran yang timbul kemudian dalam kalangan petani ini datangnya dari kesedaran dalam diri mereka sendiri bahawa tindakan yang dilakukan oleh mereka dapat mendatangkan kebaikan kepada diri mereka sendiri. Perkara ini berpunca dari kesedihan dan tekanan yang mereka hadapi sehari-hari dalam kehidupan bertani menyebabkan mereka merasa perlu bertindak terhadap keadaan itu.¹⁴

Conrad Totman dalam memperkatakan mengenai kesedaran masyarakat desa mengemukakan

beberapa pendapat berkenaan hal ini. Antaranya menyebut:

"Consciousness of Japan was fostered by a growing perception of the imperial institution as a uniquely Japanese entity deserving of special respect, by a spreading awareness of the escalating foreign presence in surrounding seas, and by a growing conviction that domestic difficulties were of nationwide scope and required nationwide remedies.¹⁵"

Pemberontakan yang dilakukan oleh golongan petani juga tidak bercirikan revolusi walaupun ia mempunyai implikasi sedemikian dan mereka juga tidak cuba untuk menjatuhkan sistem feudal yang sedia ada. Namun ketiga-tiga sarjana yang disebutkan diatas bersetuju bahawa kemungkinan berlakunya revolusilah (pada tahap 1830-1868) yang menyebabkan penstruktur semula masyarakat Jepun pada zaman Meiji. Jelasnya, peranan yang dimainkan oleh golongan petani membantu membaiki kedudukan mereka dalam masyarakat Jepun berbanding keadaan sebelumnya¹⁶.

Selain dari itu, dalam kalangan masyarakat bawahan yang terlibat dengan perdagangan pula seperti saudagar-saudagar, mereka merasakan bahawa diri mereka tertekan dari segala segi walaupun mereka mempunyai wang yang banyak. Mereka terkenal sebagai pemboros yang selalu membelanjakankan duit mereka kepada orang ramai. Biasanya sekiranya terdapat seseorang membelanjakan wang mereka di rumah pelacuran lelaki di bandar-bandar, mereka akan berlumba-lumba mengeluarkan wang dan berlawan antara satu sama lain. Perintah dan larangan yang dibuat oleh kerajaan seakan-akan menghalang peluang mereka untuk menonjolkan diri mereka dan mereka kecewa dengan keadaan ini. Dengan itu mereka sentiasa mengharapkan suatu suasana yang lebih luas bagi mereka meluangkan masa dan mengembangkan bakat mereka.¹⁷

Dengan keadaan yang begitu mendesak inilah maka golongan petani bangkit menentang golongan pemerintah. Pada kebiasaanya keadaan yang wujud sebelum petani bangkit memberontak

adalah sama. Pusingan hubungan antara pemerintah dan petani sebelum berlakunya pemberontakan adalah seperti berikut. Pertamanya apabila timbul sebarang kesedihan yang berpunca dari bencana alam atau perasaan tidak selesa dalam kalangan petani terhadap sesuatu, mereka mereka akan membentuk kumpulan (*toto*) yang akan mengemukakan rayuan (*esso*) yang akan diserahkan kepada pihak berkuasa yang bertanggung jawab menyuarakan pendapat mereka tentang rasa tidak puas hati berkenaan. Rayuan yang diadakan secara berkumpulan biasanya akan menimbulkan kekacauan dan kemusnahan harta benda pemerintah berkenaan. Rayuan itu kemudiannya dihantar kepada pemerintah dan sekiranya ia diterima petani akan balik ke kampung mereka. Biasanya jika ia ditolak mereka akan pulang ke kampung mereka setelah di halau oleh pasukan tentera pemerintah¹⁸.

Pada kebiasaannya, suatu siasatan akan dilakukan terhadap perkara berkenaan dan sesiapa yang bertanggung jawab melakukan kesalahan akan dihukum sama ada dibuang negeri atau disalib. Menurut Burton, oleh kerana kerajaan *Tokugawa* semakin lama menjadi semakin lemah manakala keadaan kesusahan yang dihadapi oleh petani makin jelas, maka dalam keadaan struktur kerajaan feudal yang semakin goyah, kebanyakannya tuntutan petani telah dipenuhi¹⁹. Dalam keadaan inilah ‘kesedaran dalam kalangan petani’ yang disebut oleh Burton wujud dan bermula disinilah mereka melancarkan pemberontakan demi pemberontakan untuk menjatuhkan kerajaan *Tokugawa*. Jelasnya adalah benar tanggapan sarjana Jepun bahawa petani sememangnya memainkan peranan dalam menentukan sejarah dan bukannya hanya penerima yang pasif sahaja terhadap pentadbiran kerajaan *Tokugawa*²⁰.

Perkara kedua yang dapat disimpulkan dari sistem budaya masyarakat Jepun ialah ia menjadi faktor keruntuhan keshögunan *Tokugawa* itu sendiri. Di sini kebenaran teori Ibnu Khaldun berkenaan

kejatuhan sesuatu tamadun setelah ia mengalami tahap ketiga dimana kemewahan dan kebendaan menjadi penyebab kepada keruntuhan masyarakat berkenaan. Kalau sebelumnya golongan pahlawan (*samurai*) sentiasa berlatih dan cekap dalam mempertahankan negara Jepun, kini pahlawan telah menjadi lemah dan tidak bermaya menghadapi ancaman dari dalam dan luar negara. Hal ini dapat dilihat dari terjemahan catatan yang ditulis oleh seorang penulis Jepun yang menyaksikan sendiri kemasukan kuasa Barat di Jepun dengan kedatangan Komodore Perry ke Jepun pada tahun 1866.

Catatan itu berbunyi :

"At the time the black ship arrived, Japanese ancestral law dictated that they should be driven away but, because of the long continued peace, military defences had become extremely weak, and revitalizing military powers was exceedingly difficult. Consequently, maintaining that to exile them would be impossible, the bakufu acceded to the foreigners' request and granted their petition²¹"

Jelasnya di sini, penentangan golongan petani boleh dilihat dalam bentuk yang paling tersembunyi iaitu dengan berdiam diri serta patuh terhadap arahan yang diberikan, melakukan perkara yang menjadi larangan itu secara bersembunyi-sembunyi, berjumpa dengan pemerintah untuk melahirkan rasa tidak puas hati mereka melalui petisyen-petisyen yang disampaikan, memusnahkan harta milik pemerintah dan pemberontakan terus menentang pemerintah dan askar yang dihantar oleh mereka. Pada peringkat awalnya, pemberontakan secara kecil-kecilan tidak menjadi masalah kepada pemerintah *Tokugawa*, namun di akhir pemerintahan *Tokugawa*, pemerintah menjadi semakin kurang cekap untuk menangani masalah pemberontakan sehingga membawa kepada kejatuhan keshogunan *Tokugawa*. Hal ini membuktikan peranan yang dimainkan oleh golongan petani sebagai majoriti rakyat pada ketika itu sangat penting dalam suasana pemerintahan kerajaan *Tokugawa* yang serba menakan itu.

NOTA HUJUNGAN

¹ Patricia Sippel, 'Popular Protest in Early Modern Japan: The Bushū Outburst', dalam **Harvard Journal of Asiatic Studies**, Vol 37, No.2, Disember 1977, hal. 319. Dalam analisis yang dibuat oleh beliau juga, beliau mendapati bahawa masyarakat petani bukannya mahukan satu perubahan revolusi dalam pentadbiran Tokugawa tetapi hanya mahukan agar suatu ekonomi yang adil dan keadaan yang sama rata diwujudkan antara golongan kaya dan miskin.

² Sho, Sawada, Financial Difficulties of the Edo Bakufu, (terj. Hugh Borton) dalam **Harvard Journal of Asiatic Studies**, Vol 1, No 3, 1940, hal 2-3.

³ Thomas C. Smith, Japanese Village in the Seventeenth Century, dalam **The Journal of Economic History**, Vol XII, No. 1, 1952, hal. 18.

⁴ Kisah terperinci mengenai Miura Meisuke ditulis oleh Herbert P. Bix, 'Miura Meisuke, or Peasant Rebellion Under the Banner of Distress' dalam **Bulletin of Concerned Asian Scholars**, Vol 10, No. 2, (April-June) 1978 hal.18-26.

⁵ Lihat Patricia Sippel, op cit, hal. 276.

⁶ Pemberontakan yang berlaku pada tahun 1776 ini dikatakan berlaku disebabkan kenaikan cukai yang dikenakan oleh sami Shinto terhadap penduduk tempatan. Satu lagi pemberontakan berunsur agama berlaku di Owari pada tahun 1832 apabila petani memberontak kerana mereka ditipu oleh sami kuil Buddha bahawa mereka perlu mengumpulkan kayu untuk membina semula kuil Higashi Hongwanji di Kyot, tetapi sebaliknya kayu berkenaan dijual untuk mendapatkan keuntungan.

⁷ Bix ialah penulis buku **Peasant Protest in Japan, 1590-1884**, New Haven and London, Yale University Press, 1986

⁸ Vlastos ialah penulis buku **Peasant Protests and Uprisings in Tokugawa Japan**, University of California Press, Berkeley Los Angeles and London, 1986.

⁹ Walther ialah penulis buku **Social Protest and Popular Culture in Eighteenth Century Japan**, University of Arizona Press, Tucson, 1986.

¹⁰ W. Donald Burton, Rural and Urban Protest in Tokugawa Japan, dalam **Bulletin of Concerned Asian Scholars**, Vol 21, No 1, 1989 hal. 53-66.

¹¹ James I. Nakamura, Human Capital Accumulation in Premodern Rural Japan, dalam **Journal of Economic History**, Vol 41, No. 2, 1981, hal. 269.

¹² Herbert Bix, **op. cit.** hal.29.

¹³ Steen Vlastos, **op. cit.** hal. 19.

¹⁴ Herbert Bix, **op. cit.** hal. 138.

¹⁵ Conrad Totman, 'Ethnicity in the Meiji Restoration: An Interpretive Essay' dalam **Monumenta Nipponica**, Vol XXXVII, No. 3. 1983, hal.279.

¹⁶ Lihat **Ibid.**


¹⁷ Charles D. Sheldon, Merchants and Society in Tokugawa Japan, dalam **Modern Asian Studies** Vol 17, No 3, 1983., hal 483-484. Lihat juga ulasan E. Herbert Norman 'Ando Shoeki and the Anatomy of Japanese Feudalism'dalam **Transactions of the Asiatic Society of Japan**, 3rd Series II, 1949 hal. 74.

¹⁸ Hugh Borton, **Peasant Uprisings in Japan of the Tokugawa Period**, Paragon Book, New York, 1968, hal 16 dan 17.

¹⁹ **Ibid.**

²⁰ Pendapat ini dipersetujui oleh sarjana seperti Roger Bowen, 'Japanese Peasants: Moral? Rational? Revolutionary? Duped?- A Review Article' dalam **Journal of Asian Studies**, 1988, Vol 47, No 4, hal. 822, Lihat juga W. Donald Burton, **Op. cit**, hal. 54.


²¹ Tsuji Mitsuko, "Keio ni nen Bushu Ikki-sono shakai, keizaiteki kiban ni tsuite no ikkosatsu" dalam *Hagashi Murayama-si shiryō shū*, Vol II, hal 94, 1967 yang dipetik oleh Patricia Sippel, 'Popular Protest in Early Modern Japan: The Bushū Outburst, dalam **Harvard Journal of Asiatic Studies**, Vol 37, No.2, Disember 1977, hal. 273



Rajah 1.1 Teori Ketamadunan Ibnu Khaldun

| | | | | | | | |
|--------------|-------|-------|----------|----------|---------|----------|--------|
| Zaman Awal | Nara | Heian | Kamakura | Ashikaga | Sengoku | Tokugawa | Meiji |
| (660SM-709M) | (710) | (784) | (1192) | (1338) | (1573) | | (1868) |

Rajah 1.2 Perkembangan kerajaan dalam tamadun Jepun



Rajah 1.3 Kitaran ketamadunan keshogunan Tokugawa dalam tamadun Jepun

Rajah 1
Shogun dan Pemerintahannya

| Shogun | Jangka Waktu Pemerintahan |
|-----------------|----------------------------------|
| Tokugawa Ieyasu | 1603-1605 |
| Hidetada | 1605-1623 |
| Iemitsu | 1623-1651 |
| Ietsuna | 1651-1680 |
| Tsunayoshi | 1680-1709 |
| Ienobu | 1609-1712 |
| Ietsugu | 1713-1716 |
| Yoshimune | 1716-1745 |
| Ieshige | 1745-1760 |
| Ieharu | 1760-1786 |
| Ienari | 1787-1837 |
| Ieyoshi | 1837-1853 |
| Iesada | 1853-1858 |
| Iemochi | 1858-1866 |
| Yoshinobu | 1867 |

Sumber: M. Rajendran, **Sejarah Jepun**, Arena Buku Sdn. Bhd., 1988, hal.51 dan 52..

Rajah 2

Penyewa dan Pemilik Tanah di Wilayah *Buzen* (1681-1684)

| Kampung | Jumlah Pegawai | Pemilik tanah | Penyewa |
|---------|----------------|---------------|---------|
| Kiku | 6 | 831 | 697 |
| Tagawa | 7 | 982 | 1496 |
| Tsuiki | 4 | 438 | 684 |
| Miyako | 7 | 622 | 373 |
| Kamike | 4 | 480 | 768 |
| JUMLAH | 28 | 3,353 | 4,018 |

Sumber: Furushima Toshio, *Kinsei nihon nogyo no kozo*, Tokyo, 1948, hal 48-49 yang dipetik oleh Thomas C. Smith, 'The Japanese Village in the Seventeenth Century' dalam *The Journal of Economic History*, Vol XII, 1952, hal. 11.

Rajah 3

Jumlah Sekolah (*terakoya*) di Jepun (1661-1872)

| Tahun Tahap | Sekolah Wilayah | Biasa | Sekolah Tempatan Samurai (bercampur) | Orang Biasa (bercampur) | Jumlah <i>terakoya</i> |
|-------------------------------------|-----------------|-------|--------------------------------------------|----------------------------|---------------------------|
| 1661-1687 | 6 | | | | |
| 1668-1715 | 8 | | | | |
| 1716-1750 | 17 | | | | |
| 1751-1788 | 49 | 7 | 47 | 54 | 558 |
| 1789-1829 | 89 | 26 | 42 | 68 | 3,050 |
| 1830-1867 | 50 | 78 | 44 | 122 | 6,691 |
| 1868-1872 | 32 | 304 | 18 | 322 | 1,003 |
| Tiada Tarikh Tidak dipastikan | 3 | 1 | 1 | 2 | |
| | 23 | | | | |
| JUMLAH | 277 | 416 | 152 | 568 | 11,302 |

Sumber: C. Balatchandirane, Role of Education in Japan's Modernisation: A Reassessment, dalam **China Report**, Vol 31, No. 2, 1995, hal. 222.

Rajah 4

Jangka waktu dan kemunculan pemberontakan mengikut wilayah antara tahun 1603-1867.

| Bilangan kejadian | Nama wilayah | Bilangan wilayah |
|-------------------|------------------------------------------------|------------------|
| Tiada kejadian | Iga dan Iki | 2 |
| 1 | Shima, Satsuma dan Osumi | 3 |
| 2 | Kwachi, Awaji | 2 |
| 3 | Izu, Awa, Oki dan Bizen | 4 |
| 4 | Sagami dan Shimoso | 2 |
| 5 | Yamashiro dan Owari | 2 |
| 6 | Izumi, Suruga, Shimozu, Noto, Aki dan Chikuzen | 6 |
| 7 | Totomi, Wakasa, Inaba, Matsumae | 4 |
| 8 | Kazusa | 1 |
| 9 | Yamamoto, Chikugo | 2 |
| 10 | Ise, Izumo | 2 |
| 11 | Kai | 1 |
| 12 | Tango, Tajima dan Hizen | 3 |
| 13 | Hitachi, Iwaki, Rikuzen, Mutsu, Iwami dan Tosa | 6 |
| 14 | Sado, Nagato | 2 |
| 15 | Settsu, Ugo, Bingo, Buzen | 4 |
| 16 | Bitchu | 1 |
| 17 | Kii | 1 |
| 18 | Musashi, Hida, Kaga, Sanuki | 4 |
| 19 | Etchu, Hoki, Tamba, Mimasaka | 4 |
| 20 | Harima, Suwo | 2 |
| 24 | Mikawa | 1 |
| 25 | Higo | 1 |
| 27 | Kozuke | 1 |
| 28 | Mino | 1 |
| 30 | Awa (Nakaido) | 1 |
| 32 | Hyuga | 1 |
| 34 | Iwashiro, Bungo | 2 |
| 35 | Omi | 1 |
| 41 | Uzen | 1 |
| 42 | Echizen | 1 |
| 51 | Iyo | 1 |
| 54 | Rikuchu | 1 |
| 55 | Shinano, Echigo | 2 |

Sumber: Numazaki Hidenosuke, *Hyakusho Ikki Chosa Hokokusho, "Report and Investigation of Peasant Uprising"*, Kyoto, 1935, Carta 2, yang dipetik oleh Hugh Borton, Op. Cit., hal. 205.